



MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
"Pengurusan Cepak. Pelanggan Diutamakan"

PELAN STRATEGIK 2020 - 2025

Pelan Strategik ini mensasarkan untuk menjadikan Batu Gajah sebagai sebuah Perbandaran Dinamik yang mengutamakan pembangunan lestari dan bestari menjelang tahun 2020. Bagi merealisasikan visi dan misi yang digariskan, sebanyak 8 objektif strategik dan 27 pelan tindakan telah dibentuk melalui penerapan nilai-nilai yang dikongsi bersama seluruh warga kerja MDBG.



Pendapatan



Sasaran



Statistik



**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH © 2020
DITERBITKAN OLEH JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah daripada penerbitan ini. Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Daerah Batu Gajah. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Daerah Batu Gajah. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

**JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
Majlis Daerah Batu Gajah
Jalan Haji Abdul Wahab,
31000 Batu Gajah, Perak**

Tel: 05-363 2020

Fax: 05-366 5930

Bebas Tol: pentadbiran@mdbg.gov.my

<http://www.mdbg.gov.my/>

KANDUNGAN

02 KATA – KATA ALUAN YANG DIPERTUA MDBG

03 RINGKASAN EKSEKUTIF

01

04 PENGENALAN

- I. SEJARAH DAN LATAR BELAKANG
- II. CARTA ORGANISASI MDBG
- III. FUNGSI DAN PERANAN MDBG
- IV. PUNCA KUASA MDBG
- V. PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS) DAN PELANGGAN MDBG

03

19 STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

- I. KAEDAH PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK
- II. ANALISA SWOT
- III. ANALISA PESTEL
- IV. TERAS STRATEGIK 2020 - 2025
- V. PELAN TINDAKAN
 - STRATEGI-STRATEGI TERAS
 - PELAN TINDAKAN
 - INDIKATOR
 - SASARAN
 - TAHUN SASARAN
 - JABATAN/UNIT/BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB

02

17 HALA TUJU STRATEGIK

- I. VISI, MISI, MOTO, DAN SLOGAN MDBG
- II. OBJEKTIF KUALITI
- III. NILAI – NILAI BERSAMA

04

52 IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN

- I. CARTA KAJIAN SEMULA

53 PENUTUP



KATA - KATA ALUAN

Assalamua'alaikum W. B. T dan salam sejahtera.

Saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah kerana dengan izin dan limpah kurniaNya Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) dapat menyediakan Pelan Strategik Majlis Daerah Batu Gajah 2020-2025 ini.

Pelan Strategik yang dirangka ini merupakan perancangan jangka panjang yang mengandungi wawasan, dasar dan halatuju MDBG untuk mencapai objektif strategik dan kejayaan pada masa hadapan. Diharapkan seluruh warga kerja MDBG akan menjadikan Pelan Perancangan Strategik ini sebagai rujukan di dalam merancang dan melaksanakan program-program pembangunan fizikal atau pembangunan modal insan yang akan disusun melalui program belanjawan atau program tahunan Majlis.

MDBG juga sentiasa beriltizam untuk memberikan yang terbaik bagi memenuhi ekspektasi dan permintaan masyarakat yang begitu dinamik. Cabaran semasa dan mendatang memerlukan persediaan dan perancangan rapi bagi memastikan tugas dan peranan Majlis sebagai pengurus, perancang dan pentadbir peringkat tempatan dapat direalisasikan dan memberi impak positif kepada masyarakat.

Akhir kata, saya juga berharap Pelan Strategik ini memudahkan Pentadbiran MDBG membuat analisis persekitaran yang berkait rapat dengan penilaian mengenai kekuatan, kelemahan, peluang dan cabaran yang ada dalam usaha menjadikan MDBG sebagai perbandaran yang maju dan tersohor menjelang 2025.

**MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI,
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**

Pelan Strategik Majlis Daerah Batu Gajah 2020-2025 digubal selaras dengan kehendak kepimpinan di dalam merangka kerja kepada pihak pengurusan dan sebagai panduan kepada semua warga kerja Majlis Daerah Batu Gajah ke arah pencapaian visi dan misi yang telah ditetapkan.

Pelan Strategik kini merupakan sebuah dokumen halatuju Majlis yang amat penting untuk dijadikan garis panduan bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dokumen ini juga merupakan salah satu daripada usaha Majlis Daerah Batu Gajah dalam mencipta dan membentuk halatuju, budaya kerja dan identitinya tersendiri.

Hasrat Majlis adalah untuk mewujudkan persekitaran perbandaran yang terbaik melalui perkhidmatan perbandaran yang berkualiti, telus dan cekap melalui penggembelangan tenaga dan sumber secara efisien.

Pelan Strategik ini mensasarkan untuk menjadikan Batu Gajah sebagai sebuah Perbandaran Dinamik yang mengutamakan pembangunan lestari dan bestari menjelang tahun 2025. Bagi merealisasikan visi dan misi yang digariskan, sebanyak 6 teras strategik dan 27 strategi telah dibentuk melalui penerapan nilai-nilai yang dikongsi bersama seluruh warga kerja Majlis Daerah Batu Gajah.

RINGKASAN EKSEKUTIF

04 PENGENALAN

- I. SEJARAH DAN LATAR BELAKANG
- II. CARTA ORGANISASI MDBG
- III. FUNGSI DAN PERANAN MDBG
- IV. PUNCA KUASA MDBG
- V. PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS) DAN PELANGGAN MDBG

Bandar bertuah ini adalah tempat keputeraannya Almarhum DYMM Sultan Perak, Sultan Azlan Shah Muhibbuddin Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-Lah iaitu seorang Sultan yang berkaliiber, yang pernah menjadi Ketua Hakim Negara yang ke-9. Baginda merupakan Tokoh Batu Gajah yang pertama ditonjolkan dalam buku Tokoh-Tokoh Batu Gajah, Perak. Batu Gajah telah melahirkan ramai lagi tokoh-tokoh terkemuka seperti Raja Asal, William Kellie Smith, Ho Yuk Phooi, Charles Alma Baker, Kerani Ariff, Dato' Mustapha Albakri, Syed Shaidali dan K. Malaiperumal Pillay. Nama-nama terkenal dalam bidang agama termasuk Tuan Syed Abdul Kadir (Kadi Pertama Batu Gajah), Haji Salleh bin Lebai Awang (Ketua Imam Masjid), Haji Abdul Hamid (Guru Agama), Mohamad Nawawi (wartawan dan sarjana bahasa Arab) dan Cikgu Ali (Guru Quran dan Imam). Terdapat ramai lagi tokoh yang terkenal dalam semua bidang ketokohan seperti perlombongan, getah, pentadbiran dan pendidikan.

Perkampungan Melayu telah wujud di Batu Gajah sejak kurun ke-19 lagi. Ketika itu orang Melayu sudah giat menjalankan kegiatan perlombongan bijih timah. Terdapat ramai orang Cina menjadi pekerja di kawasan perlombongan kepunyaan orang Melayu. Bijih timahlah yang membawa kemasukan orang Cina ke Batu Gajah. Pembukaan ladang getah telah membawa masuk orang India ke sini. Jelaslah perkembangan sejarah Batu Gajah sama seperti perkembangan Sejarah Malaysia keseluruhannya. Seolah-olah Batu Gajah adalah 'Malaysia in Maniature'.

Di Batu Gajah terdapat penduduk yang berbilang kaum iaitu Melayu (dari suku kaum seperti Mendailing, Rawa, Talu, Acheh, Jawa dan lain-lain), Cina, India, Ceylon, Punjabi, Parsi, Arab dan lain-lain. Tidak hairanlah penduduk Batu Gajah dapat memahami dan menyesuaikan diri dengan corak hidup pelbagai kaum sehingga integrasi budaya dapat dilihat jelas hingga ke hari ini.

Sejak 1880-an lagi, Batu Gajah merupakan tempat pertemuan pembesar-pembesar Tanah Melayu pada masa itu. Di Batu Gajah pada masa itu ada Gelanggang Perlumbaan Kuda (Race Course). Kuda-kuda didatangi dari Pahang dan Johor untuk berlumba di sini. Ada terdapat sebuah Kelab tempat perjumpaan dan riadah bagi pegawai kerajaan dan pembesar-pembesar negeri. Dari segi ini, Batu Gajah sudah dikenali sejak 1880-an lagi. Mengikut bukti yang ada, Batu Gajah sudah wujud sekitar tahun 1870-an. Menurut diari J.W.W. Birch, Resident British Pertama di Perak, beliau pernah melawat Batu Gajah pada 30 April 1875. Beliau menyebut Batu Gajah sebagai sebuah kampung yang besar di tepi Sungai Kinta dan terdapat sebuah relau yang besar untuk melebur bijih timah.

Ini menunjukkan perkembangan awal Batu Gajah adalah berkait rapat dengan kegiatan perlombongan bijih timah yang mula berkembang di Jajahan Kinta pada masa itu.



I. SEJARAH DAN LATAR BELAKANG MDBG

Sejarah Batu Gajah

Mengikut bukti yang ada, Batu Gajah sudah wujud sekitar tahun 1870an. Menurut diari J. W.W. Birch, Resident British pertama di Perak. Beliau pernah melawat Batu Gajah pada 30 April 1875. Beliau menyebut Batu Gajah sebagai sebuah kampung yang besar di tepi Sungai Kinta dan terdapat sebuah relau yang besar untuk melebur bijih timah.

'... at 4.15, we arrived at Batugaja on the left bank, a large and fine village where the soil is very good. There are about 30 or 40 houses, and a large smelting house.' (1)

Ini menunjukkan perkembangan awal Batu Gajah adalah berkait rapat dengan kegiatan perlombongan bijih timah yang mula berkembang di Jajahan Kinta pada masa itu. Batu Gajah merupakan nama yang diambil daripada batu yang menyerupai gajah. Beberapa versi telah dilaporkan.

Versi 1

Diveri nama daripada 2 batu besar yang menyerupai gajah diukir bagi menjadi penanda kepada pedagang bijih timah dan sebagai tempat penyembahan Buddha.

Versi 2

Sejenis makhluk bernama Sang Kelembai dikatakan mampu menukar benda hidup menjadi batu. 2 ekor gajah yang sedang menyeberangi Sg. Kinta ditegur Sang Kelembai lalu menjadi batu.

Versi 3

Pada peringkat awal, orang Melayu menguasai bijih timah dan pekerja merupakan orang Cina. Ketika melombong, mereka menemui batu-batu sebesar gajah dan keras seperti kepala gajah. Mereka kemudiannya menamakan kawasan itu 'Batu Gajah' (Batu Besar).



“BATU GAJAH
BANDAR BERTUAH”



01

04 PENGENALAN

- I. SEJARAH DAN LATAR BELAKANG
- II. CARTA ORGANISASI MDBG
- III. FUNGSI DAN PERANAN MDBG
- IV. PUNCA KUASA MDBG
- V. PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS) DAN PELANGGAN MDBG




I. SEJARAH DAN LATAR BELAKANG

Majlis Daerah Kinta Barat (MDKB) ditubuhkan pada 01 September 1979 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Pada 26 Mac 2009, MDKB ditukar nama kepada Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG). Keluasan kawasan Pentadbiran MDBG sehingga Januari 2015 berjumlah lebih kurang 67,470 hektar dengan jumlah penduduk seramai 126,253 orang. Pusat Pentadbiran MDBG terletak di Bandar Batu Gajah dan mempunyai 3 buah pejabat cawangan iaitu Pekan Pusing, Pekan Tronoh dan Pekan Tanjung Tualang. Ia bertujuan untuk memudahkan urusan pentadbiran disamping melaksanakan kawalan yang lebih komited ke atas segala aspek pembersihan dan pembangunan Bandar.


Sebagai sebuah organisasi yang diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), MDBG juga bertanggungjawab di dalam Perancangan dan Pembangunan kawasan pentadbirannya bagi mewujudkan dan melahirkan satu corak kehidupan masyarakat yang sejahtera, berbudaya, dan berilmu demi menuju ke arah alaf akan datang. Kawasan Majlis Daerah Batu Gajah meliputi lima mukim iaitu Sg. Terap, Blanja, Tanjung Tualang dan sebahagian Sg. Raia dan Hulu Kinta. Kawasan pentadbiran utama pula terbahagi kepada 10 zon iaitu Batu Gajah, Lahat, Pusing, Papan, Siputeh, Tronoh, Tanjung Tualang, Sungai Durian, Simpang Pulai dan Kampung Kepayang.

PETA PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH





II. CARTA ORGANISASI MDBG



III. FUNGSI DAN PERANAN MDBG



01

04 PENGENALAN

- I. SEJARAH DAN LATAR BELAKANG
- II. CARTA ORGANISASI MDBG
- III. FUNGSI DAN PERANAN MDBG
- IV. PUNCA KUASA MDBG
- V. PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS) DAN PELANGGAN MDBG

IV. PUNCA KUASA MDBG

Majlis Daerah batu Gajah menjalankan tugas berlandaskan kepada peruntukan undang-undang seperti yang disenaraikan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan:

AKTA

1. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
2. Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)
3. Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)
4. Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)
5. Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)
6. Akta Perbadanan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 673)
7. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)
8. Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)
9. Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)
10. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
11. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984

PERINTAH

1. Perintah Pengangkutan Jalan (Letak Kereta Bermeter) (Majlis Daerah Kinta Barat) 1991
Tarikh Warta : 21 November 1991 – Pk.P.U.35
2. Perintah Pengangkutan Jalan (Letak Kereta Bermeter) (Majlis Daerah Kinta Barat) (Pindaan) 1998
Tarikh Warta : 21 Mei 1998 – Pk.P.U.
3. Perintah Pengangkutan Jalan (Letak Kereta Bermeter) (Majlis Daerah Kinta Barat) (Pindaan) 2007
Tarikh Warta : 13 September 2007 – Pk.P.U.33
4. Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Batu Gajah) 2012
Tarikh Warta : 16 Februari 2012 – Pk.P.U.7
5. Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Batu Gajah) (Pindaan) 2019
Tarikh warta : 4 Julai 2019 – Pk.P.U.18

KAEDAH

1. Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Tatatertib (Majlis Daerah Batu Gajah) 2012.
Tarikh Warta : 25 Oktober 2012 – Pk.P.U.50
2. Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak 2013. Tarikh Warta : 1 Januari 2014
3. Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Daerah Batu Gajah (Kelakuan Dan Tatatertib) 2014.
Tarikh Warta : 27 Februari 2014 – Pk.P.U.3
4. Kaedah - Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak (Pindaan) 2014.
Tarikh Warta : 29 Disember 2014 - Pk.Pu.35.
5. Kaedah - Kaedah Kelayakan Menyediakan Dan Mengemukakan Pelan, Butir-Butir Dan Dokumen Untuk Permohonan Kebenaran Merancang Negeri Perak 2014.
Tarikh Warta : 29 Disember 2014 - Pk.Pu.36.
6. Kaedah - Kaedah Hakmilik Strata 2015. Tarikh Warta : 28 Mei 2015 - Pk.Pu.10
7. Kaedah-Kaedah Tanah Perak (Pindaan) 2017. Tarikh warta : 11 Mei 2017 – Pk.P.U.33.

UNDANG-UNDANG KECIL (UUK)

1. Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Daerah Kinta Barat) 1984.
Tarikh Warta : 22 November 1984 – Pk.P.U.76
2. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (Majlis Daerah Kinta Barat) 1982.
Tarikh Warta : 06 Januari 1983 – Pk.P.U.1
3. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (Majlis Daerah Kinta Barat) (Pindaan) 1984. Tarikh Warta : 02 Ogos 1984 – Pk.P.U.51
4. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (Majlis Daerah Batu Gajah) (Pindaan) 2011. Tarikh Warta : 30 Disember 2010 – Pk.P.U.12
5. Undang-Undang Kecil Pengawalan Dan Pengawasan Tempat-Tempat Makan (Majlis Daerah Kinta Barat) 1984. Tarikh Warta : 25 Oktober 1984 – Pk.P.U.71
6. Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Kinta Barat) 1981.
Tarikh Warta : 17 Mac 1983 – Pk.P.U.12
7. Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Kinta Barat) (Pindaan) 1988.
Tarikh Warta : Pk.P.U.
8. Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Untuk Gerai Pasar Awam (Majlis Daerah Kinta Barat) 1983.
Tarikh Warta : 15 Mac 1984 – Pk.P.U.9
9. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Daerah Kinta Barat) Kerajaan Tempatan, 1981. Tarikh Warta : 28 Oktober 1982 – Pk.P.U.41
10. Undang-Undang Kecil (Mengkompaunkan Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Daerah Kinta Barat) Jalan, Parit Dan Bangunan, 1981. Tarikh Warta : 03 Mac 1983 – Pk.P.U.11
11. Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Kinta Barat) 1985. Tarikh Warta : 25 April 1985 – Pk.P.U.17
12. Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Kinta Barat) 1986. Tarikh Warta : 10 April 1986 – Pk.P.U.21
13. Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Kinta Barat) 1990. Tarikh Warta : Pk.P.U.46
14. Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Daerah Kinta Barat) 1991. Tarikh Warta : Pk.P.U.17
15. Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Daerah Kinta Barat) 1990.
Tarikh Warta : Pk.P.U.27/1990
16. Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut Dan Pemandan Rambut (Majlis Daerah Kinta Barat) 1986.
Tarikh Warta : 08 Mei 1986 – Pk.P.U.28
17. Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Daerah Kinta Barat) 1990. Tarikh Warta : 27 September 1990 – Pk.P.U.36
18. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2012. Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (Spah) Tarikh Warta : 02 Februari 2012 – Pk.P.U.5
19. Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan Dan Haiwan Merayau (Majlis Daerah Batu Gajah) 2012. Tarikh Warta : 01 Mac 2012 – Pk.P.U.11
20. Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Daerah Batu Gajah) 2012.
Tarikh Warta : 06 Disember 2012 – Pk.P.U.50
21. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak) Jalan, Parit Dan Bangunan 2013. Tarikh Warta : 10 Oktober 2013 – Pk.P.U.49
22. Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Batu Gajah) 2013.
Tarikh Warta : 10 Oktober 2013 – Pk.P.U.51
23. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Batu Gajah) 2017. Tarikh warta : 15 Januari 2017 - Pk.P.U.16.
24. Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Batu Gajah) (Pindaan) 2017.
Tarikh warta : 2 Februari 2017 - Pk.P.U.4.
25. Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisyment Makanan (Majlis Daerah Batu Gajah) 2017
Tarikh warta : 21 Disember 2017 – Pk.P.U.71
26. Undang-Undang Kecil Iklan Pilihan Raya (Majlis Daerah Batu Gajah) 2018
Tarikh warta : 5 Mac 2018 – Pk.P.U.14





14 PENGENALAN

- I. SEJARAH DAN LATAR BELAKANG
- II. CARTA ORGANISASI MDBG
- III. FUNGSI DAN PERANAN MDBG
- IV. PUNCA KUASA MDBG
- V. PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS) DAN PELANGGAN MDBG



MDBG berurusan dengan pelbagai pihak dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab sebagai Pihak Berkuasa Tempatan di Batu Gajah. Pihak berkepentingan adalah pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Ahli Majlis, pihak Kerajaan Persekutuan dan pihak Kerajaan Negeri. Pelanggan MDBG terdiri daripada pelbagai pihak dan berkepentingan dengan urusan-urusan di MDBG terdiri daripada penduduk, pelawat / pelancong, kakitangan sektor kerajaan dan sektor swasta, operator perniagaan, pengusaha industri, pelajar, orang awam dan sebagainya. Kerjasama pelbagai pihak dalam membangunkan Batu Gajah adalah penting agar menjadi daerah yang maju dan membangun.



- I. VISI, MISI, MOTO, DAN SLOGAN MDBG
- II. OBJEKTIF KUALITI
- III. NILAI – NILAI BERSAMA

MOTO

Mudah,
Cepat
dan
Berkesan



DASAR KUALITI

MDBG komited untuk menyampaikan perkhidmatan perbandaran yang mudah, cepat dan berkesan selaras dengan Pelan Strategik MDBG serta mematuhi keperluan sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001:2015 dan lain-lain keperluan secara berterusan.




VISI

Ke arah
Majlis Perbandaran
yang berdaya huni

MISI

Menyediakan
perkhidmatan
perbandaran yang
berkualiti dan inklusif
dalam memastikan
kesejahteraan
komuniti



I. VISI, MISI, MOTO, DAN SLOGAN MDBG

II. OBJEKTIF KUALITI

III. NILAI – NILAI BERSAMA

BERPASUKAN

Mengembleng tenaga, pengetahuan dan pengalaman melalui semangat kerja berpasukan yang tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi.



INTEGRITI

Melaksanakan amanah dan kuasa yang diberikan dengan jujur dan saksama. Berkhidmat dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab serta sempurna dan utuh.




RESPONSIF

Peka dan prihatin kepada stakeholders dan keperluan pelanggan di samping memahami isu-isu senario semasa dan cepat dalam mencari penyelesaian terbaik.



EFISIEN

Sentiasa berusaha melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara bijaksana dan efisien berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi. Membuat pertimbangan yang teliti dalam sesuatu tindakan serta membuat keputusan yang rasional berdasarkan fakta tertentu dengan mengambilkira kepentingan organisasi, perkhidmatan dan Negara.



NILAI-NILAI BERSAMA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH



ADIL

Sentiasa berusaha membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan dan keputusan berasaskan undang-undang, peraturan, keutamaan dan fakta yang lengkap dan tepat. Penilaian terhadap sesuatu tindakan atau sesuatu keputusan dibuat secara objektif dan analitikal dengan menggunakan kaedah yang betul dengan memuakan semua yang terlibat.



SISTEMATIK

Bertindak secara sistematik dan strategik dalam mengesan, menggubal, memperaku dan melaksanakan cadangan penambahbaikan atau penyelesaian bagi mencapai hasil yang optimum, tepat dan berkesan.



TELUS

Sentiasa bersifat positif dan terbuka dengan mewujudkan prosedur kerja dan melaksanakan tindakan yang telus, lengkap serta menyelesaikan kerja mengikut masa yang ditetapkan. Berusaha memaklumkan maklumat, tindakan dan keputusan yang telah diambil kepada pihak yang berhak selagi ianya tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan.



- I. KAEDAH PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK
- II. ANALISA SWOT
- III. ANALISA PESTEL
- IV. TERAS STRATEGIK 2020 - 2025
- V. PELAN TINDAKAN
 - STRATEGI-STRATEGI TERAS
 - PELAN TINDAKAN
 - INDIKATOR
 - SASARAN
 - TAHUN SASARAN
 - JABATAN/UNIT/BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB



- I. KAEDAH PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK
- II. ANALISA SWOT
- III. ANALISA PESTEL

01


Kekuatan (S)

1. Sumber manusia yang berkompentan
2. Kemudahan ICT
3. Pegawai yang berkemahiran dalam aplikasi ICT
4. Pembangunan sistem dan aplikasi secara in-house
5. Esprit de corps
6. Pembudayaan kerja melalui dokumen eletronik
7. Penempatan pegawai berdasarkan waran perjawatan (MyPortfolio)
8. Peningkatan kerjaya pegawai
9. Pembangunan kemahiran sendiri
10. Dasar latihan yang berterusan kepada pegawai
11. Persijilan MS ISO 9001:2018
12. Pengiktirafan 5 bintang menerusi Sistem Penarafan Bintang PBT (SPB PBT)
13. Mempunyai Rancangan Tempatan yang komprehensif

03

Peluang (O)

1. Penglibatan komuniti dalam aktiviti organisasi
2. Komuniti penduduk berdasarkan semua peringkat kumpulan sasaran yang aktif di dalam kawasan pentadbiran
3. Kepadatan penduduk
4. Jaringan sosial
5. Capaian kemudahan internet
6. Jalinan kerjasama yang baik bersama pihak berkepentingan
7. Dasar kerajaan mesra pelabur (Fast Track System) bagi projek berimpak tinggi
8. Peningkatan kawasan kediaman
9. Perkembangan kawasan industri
10. Tanah lapang dalam kawasan pentadbiran
11. Lot kawasan industri
12. Lokasi dan demografi yang strategik
13. Lokasi yang bersempadan dengan kawasan tumpuan
14. Bangunan warisan
15. Pembangunan kawasan tumpuan pelancong
16. Produk pelancongan tempatan
17. Keindahan flora dan pokok warisan
18. Kawasan bekas lombong
19. Sumber asli dan mineral yang berkualiti
20. Jaringan pengangkutan awam yang berkesan
21. Penggubalan dasar yang menjadi rujukan organisasi
22. Perlaksanaan penswastan berdasarkan kedudukan kewangan organisasi
23. Cukai kepada estet dalam kawasan pentadbiran
24. Perubahan status tanah pertanian kepada komersial bercampur



02

Kelemahan (W)

1. Penglibatan keseluruhan pegawai dalam menggubal dasar organisasi
2. Motivasi dalam membentuk sikap tanggungjawab dan komitmen pegawai terhadap organisasi
3. Budaya NATO (No Action, Talk Only)
4. Politik dalam organisasi
5. Inisiatif dalam mewujudkan sumber hasil baru
6. Tunggakan cukai taksiran
7. Peningkatan kos operasi perkhidmatan pembersihan
8. Kadar sewa premis yang rendah
9. Peningkatan jumlah aduan awam
10. Penggunaan aplikasi ICT yang optimum
11. Kaedah komunikasi dalaman dan luar organisasi
12. Keberkesanan proses komunikasi di dalam dan luar organisasi
13. Kajian semula perjawatan mengikut jabatan / unit / bahagian
14. Penambahan perjawatan menekankan pencapaian dasar / objektif organisasi
15. Had umur bagi penetapan tugas ke arah produktiviti organisasi
16. Kekurangan sumber manusia bagi anggota yang menjalankan aktiviti penguatkuasaan
17. Pembangunan yang tidak seimbang

04

Ancaman (T)

1. Campur tangan pihak berkepentingan dalam pelaksanaan dasar organisasi
2. Campur tangan politik dalam menentukan hala tuju organisasi
3. Political will terhadap pembangunan semasa
4. Presepsi negatif masyarakat terhadap perkhidmatan organisasi
5. Pemahaman masyarakat yang tidak jelas mengenai organisasi
6. Komuniti dalam lokaliti yang tidak bermuafakat
7. Migrasi keluar penduduk sedia ada
8. Penilaian semua kadar cukai taksiran tidak dapat dilaksanakan
9. Tapak pelupusan sampah haram
10. Kerjama dan tanggungjawab dalam menjaga kebersihan alam sekitar
11. Vandelisma yang berleluasa merosakkan harta awam
12. Pembinaan bangunan tanpa kelulusan
13. Lambakan warga asing
14. Kos sara hidup yang semakin meningkat
15. Ketidakpatuhan undang-undang dan dasar organisasi
16. Pembangunan ekonomi yang tidak bersaya saing

ANALISA PESTEL

(POLITICAL, ECONOMIC, SOCIAL, TECHNOLOGICAL, ENVIRONMENTAL, LEGAL)

POLITIK (P)

Naturalisasi dalam penerimaan sebarang bentuk perubahan luaran dan dalaman dalam masa yang singkat untuk diadaptasi dalam pengurusan organisasi merupakan sebuah cabaran yang perlu dilaksanakan agar keperluan pihak-pihak berkepentingan dan penyampaian organisasi secara keseluruhan dalam keadaan yang dinamik.

EKONOMI (E)

Kedudukan yang strategik menjadi input utama dalam merangka pelan pembangunan yang membolehkan limpahan ekonomi secara menyeluruh dan memberi implikasi positif terhadap perkembangan ekonomi komuniti di dalam kawasan pentadbiran. Jaringan kerjasama yang menyeluruh bersama stakeholder wajar dipertingkatkan dalam usaha merangka pembangunan seterusnya mengwujudkan peluang dan ruang yang lebih terbuka kepada pihak berkepentingan dalam usaha penjana ekonomi bandar.

SOSIAL (S)

Penglibatan penduduk di dalam setiap aktiviti serta program rasmi menunjukkan peningkatan tahap keterbukaan terhadap organisasi. Ekspektasi yang semakin meningkat juga mendorong peningkatan kepada peningkatan daya saing organisasi, tetapi juga menyediakan satu persekitaran yang sihat untuk meningkatkan daya saing sektor ekonomi dan kesejahteraan penduduk di dalam kawasan pentadbiran.

Oleh yang demikian, organisasi perlu melaksanakan transformasi dan tidak terhad kepada melaksanakan perkhidmatan teras semata-mata. Mendedahkan anggota komuniti supaya mempunyai rasa kepunyaan, prihatin terhadap harta benda, ruang dan fasiliti yang dikongsi bersama serta rasa tanggungjawab terhadap komuniti dan kawasan tempat tinggal merupakan elemen yang perlu diperhalusi.

TEKNOLOGI (T)

Era globalisasi dan peningkatan tahap pendedahan secara keseluruhan dalaman mahupun luaran organisasi menjadikan perkembangan teknologi ke tahap infiniti. Kemudahan yang diberikan perlu bersifat leading-edge dalam memastikan keperluan luaran dan dalaman dapat dipenuhi. Objektif utama pembangunan sesebuah aplikasi perlu merangkumi element yang menjimatkan kos operasi, pengurangan penggunaan sumber manusia dan menjimatkan masa tindakan agar implikasi yang berterusan diperoleh.

PERSEKITARAN (E)

Pembangunan mampan adalah "pembangunan yang dapat memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan peluang generasi akan datang untuk memenuhi kehendak mereka" (Laporan Bruntland). Pembangunan mampan mengambilkira elemen-elemen ekonomi dan sosial sebagai sub komponen kepada persekitaran pembangunan mampan. Secara ringkasnya, masyarakat bergantung kepada kesejahteraan ekonomi; begitu juga sebaliknya, di mana masyarakat dan ekonomi juga bergantung kepada kesejahteraan alam sekitar.

Oleh itu, terma kemampanan persekitaran, serta kemampanan sosial dan ekonomi, membawa maksud bahawa bekalan sumber yang kritikal (biodiversiti) dan proses-proses ekologi perlu dilindungi. Objektif utama perancangan guna tanah adalah untuk menyumbang ke arah pencapaian pembangunan mampan. Sebahagian besar aktiviti pembangunan dijalankan di atas tanah, di mana bagi sebidang tanah yang sama, akan berlaku banyak persaingan untuk kegunaan yang

UNDANG - UNDANG (L)

Mengwujudkan persekitaran dan kawal selia yang baik dalam melaksana dan menyediakan peraturan perlu untuk memastikan sistem kerja dan penguatkuasaan berkesan. Meningkatkan ketelusan, kesaksamaan dan akauntabiliti menjadi kunci utama terhadap kejayaan sesebuah peraturan atau dasar yang dirangka.

Mewujudkan suasana kawal seliaan yang baik ke arah membangunkan sebuah ekonomi yang dapat menari pelaburan dan memudahkan perniagaan. Pengawal selia yang berkesan ini selari dengan aspirasi organisasi untuk menjana peluang ekonomi yang berpendapatan tinggi dan berdaya saing berdasarkan pembangunan dan pertumbuhan yang inklusif.

19 STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

- I. KAEDAH PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK
- II. ANALISA SWOT
- III. ANALISA PESTEL
- IV. TERAS STRATEGIK 2020 - 2025
- V. PELAN TINDAKAN
 - STRATEGI-STRATEGI TERAS
 - PELAN TINDAKAN
 - INDIKATOR
 - SASARAN
 - TAHUN SASARAN
 - JABATAN/UNIT/BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB



T1 Memupuk kerjasama strategik antara komuniti dengan sektor awam, sektor swasta dan NGO dalam membangunkan komuniti.

- S01: Menggalakkan kerjasama strategik dengan pihak luar dalam membantu menambah baik infrastruktur serta harta bersama
- S02: Menggalakkan persekitaran pendidikan awal yang kondusif dan berkesan
- S03: Mewujudkan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan untuk memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran anggota komuniti
- S04: Memperingkatkan inklusiviti golongan kanak-kanak, warga emas, OKU, wanita dan ibu tunggal yang daif dalam pembangunan komuniti.
- S05: Mempertingkatkan penglibatan komuniti dalam sektor pelancongan setempat menerusi konsep *community based tourism*

T2 Mewujudkan persekitaran yang bersih, mampan dan sejahtera melalui pembudayaan amalan kebersihan diri, keluarga, komuniti dan masyarakat dalam usaha melestarikan alam sekitar

- S01: Menggalakkan amalan kebersihan di kawasan kediaman, persekitaran kerja, institusi pendidikan dan tempat awam
- S02: Menambah baik mekanisma pengurusan sisa pepejal
- S03: Menjana pendapatan daripada sisa (waste to money)
- S04: Memelihara dan memulihara sumber semula jadi, landskap yang beridentiti dan teknologi yang mesra alam.
- S05: Meningkatkan Penguatkuasaan dan Pemantauan yang lebih efisien

T3 Pengukuhan Warga Kerja (Strengthening Workforce)

- S01: Pemantapan Pembangunan Modal Insan
- S02: Penjajaran Semula Organisasi
- S03: Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif untuk merangsang produktiviti, kreativiti dan inovasi
- S04: Peningkatan keselamatan infrastruktur ICT



TERAS STRATEGIK MDBG 2020-2025

T4 Pembangunan bandar yang mampan dan berdaya huni (liveable cities)

- S01: Pembangunan seimbang dan persekitaran yang kondusif
- S02: Pengendalian aspek infrastruktur, mekanikal dan elektrikal
- S03: Pengurusan Infrastruktur – Lanskap, Rekreasi Dan Kemudahan Awam
- S04: Perkhidmatan & advokasi awam

T5 Memperkasakan tadbir urus dan mutu penyampaian perkhidmatan organisasi selaku Pihak Berkuasa Tempatan

- S01: Kawalan perniagaan
- S02: Kawalan pembangunan
- S03: Penguatkuasaan undang-undang dan dasar semasa
- S04: Aplikasi ICT dimanfaatkan sepenuhnya
- S05: Semakan berimbang (check and balace) bagi setiap perkhidmatan teras termasuk tindakan, dokumentasi, pelaksanaan serta implikasi

